

17 MAR 1997

Mahathir-Industri

M'SIA TERUS BANGUNKAN INDUSTRI KIMIA DALAM PELAN INDUK INDUSTRI KE-2

KUANTAN, 17 Mac (Bernama) -- Malaysia akan terus membangunkan industri kimia dan keluaran kimia dengan pesat mengikut Pelan Induk Perindustrian Kedua (PIP2), kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Katanya industri kimia akan dibangunkan sebagai kelompok rangkaian antarabangsa dalam tempoh 10 tahun akan datang sejajar dengan strategi Malaysia yang berorientasikan global.

Selaras dengan Strategi Perkilangan Berganda (SPB), industri ini akan digalakkan beralih kepada aktiviti yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi, berorientasikan hiliran dan awalan supaya aktiviti dan keluarannya lebih meluas.

Di bawah PIP2, sektor polimer juga dijangka beralih kepada pembangunan keluaran dan aktiviti serta yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi, kata Perdana Menteri semasa merasmikan W.R. Grace Packaging Malaysia Sdn Bhd di sini.

Pada masa ini industri kimia dan keluaran kimia merupakan antara eksport utama Malaysia dan industri ini dijangka akan memberi kesan penting terhadap ekonomi pada masa akan datang.

Beliau berkata nilai output industri ini, tidak termasuk keluaran petroleum dan gas asli, dianggarkan sebanyak RM11.6 bilion dalam tahun 1995 manakala eksport kimia dan keluaran kimia (termasuk barangan plastik), pula sebanyak RM5.7 bilion.

Sektor itu juga mencatatkan kadar pertumbuhan eksport purata sebanyak 33.9 peratus berbanding kadar pertumbuhan eksport purata barangan perkilangan sebanyak 25.8 peratus dalam jangka masa lima tahun sehingga 1995.

Perdana Menteri berkata di sektor kimia dan keluaran kimia di Malaysia, industri barangan plastik dibentuk merupakan satu daripada sektor yang paling dinamik.

Dalam tahun 1996, nilai penjualan industri itu dianggarkan sebanyak RM5.5 bilion dengan 30 peratus daripadanya dalam sektor pembungkusan.

Justeru itu, katanya, potensi dalam sektor pembungkusan dijangka akan terus berkembang selaras dengan pertumbuhan ekonomi dan penduduk negara ini yang semakin mewah.

Dr Mahathir menegaskan bahawa pelaburan yang dibuat W.R Grace itu selaras dengan penekanan Malaysia supaya sektor perkilangan mengeluarkan barangan berteknologi tinggi untuk menampung keperluan pasaran dunia.

Beliau gembira kerana W.R Grace menyedari akan potensi pertumbuhan plastik yang dinamik di rantau ini dan telah memilih Malaysia sebagai satu daripada lokasi global bagi operasi mereka.

"Saya percaya ini akan menguntungkan syarikat-syarikat multinasional yang lain yang akan mengikut misi jangka panjang dan orientasi global syarikat W.R Grace untuk mencari peluang-peluang yang baik di negara ini yang mempunyai pertumbuhan ekonomi dinamik bagi memperluaskan perniagaan mereka," kata Perdana Menteri.

W.R. Grace mengandungi dua buah kilang - W.R. Grace Packaging (M) Sdn Bhd, yang mengeluarkan plastik pembungkusan bermutu tinggi dan W.R. Grace Speciality Chemical Plant (M) Sdn Bhd, yang menghasilkan silika serta barangan rawatan perubatan.

Dr Mahathir berkata bidang itu mewakili bidang atasan sektor kimia dan keluaran perubatan yang mana Malaysia berhasrat untuk membangunkannya di masa hadapan.

Beliau juga berharap W.R Grace akan meluaskan pelaburannya di negara ini di samping memperbesar dan mempelbagaikan operasi awal mereka sama seperti syarikat-syarikat Amerika yang sedia ada. -- BERNAMA

ROS RON